

JAWATAN KOSONG



"PENERAJU KECEMERLANGAN SAINS, PERUBATAN DAN TEKNOLOGI SUKAN"

Institut Sukan Negara dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan, komited serta berdedikasi untuk mengisi kekosongan jawatan pelantikan kontrak di Institut Sukan Negara seperti berikut:

BIL.	JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
1.	Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapis)	41	<i>Contract For Service</i>	RM 3,329.00	RM 4,978.00

1. SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
 - (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (d) Mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman dalam kerjaya Pegawai Pemulihan Perubatan

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

3. SYARAT TAMBAHAN

Keutamaan diberikan kepada calon yang:

- (i) Bersedia untuk bekerja di luar waktu pejabat;
- (ii) Mereka yang mempunyai minat yang tinggi untuk bekerja sebagai Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapis) dalam bidang Sukan;
- (iii) Mereka yang mempunyai pengalaman sebagai Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapis) dalam bidang sukan atau musculoskeletal, sangat dialu-alukan; dan
- (iv) Memiliki kredibiliti sebagai pemimpin, berdisiplin, bermotivasi tinggi, serta mempunyai pemikiran yang matang dan professional.

4. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- (i) Memberi perkhidmatan fisioterapi berjadual dan tugas gantian yang komprehensif kepada pesakit di klinik maupun tugasan luar (lapangan) yang diperlukan berlandaskan "Piawaian Amalan Fisioterapi" merangkumi:
 - (a) menjalankan penilaian terperinci;
 - (b) mengenal pasti masalah-masalah;
 - (c) merangka program rawatan yang bertepatan;
 - (d) melakukan evolusi/modifikasi rawatan dari semasa ke semasa; dan
 - (e) memberi maklum balas pesakit kepada doktor yang merujuk.
- (ii) Mendokumentasi dan menyimpan maklumat mengenai perawatan fisioterapi secara terperinci iaitu merekod maklumat penilaian dan perawatan pesakit di dalam borang menggunakan sistem "*Problem Oriented Medical Record*".

- (iii) Bersedia untuk bertugas di mana-mana penempatan kerja yang diarahkan pada bila-bila masa di dalam serta di luar negara. Penempatan tugas di dalam negara terdapat di Pusat Perubatan Sukan Negara di Bukit Jalil, Akademi Badminton Malaysia di Bukit Kiara, Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik di Kampung Pandan, Pusat Latihan Majlis Sukan Negara di Nilai dan Pusat Pelayaran Negara di Langkawi Kedah.
- (iv) Mengambil bahagian yang proaktif di dalam perbincangan kes klinikal.
- (v) Merancang melaksanakan program pendidikan pesakit dan promosi kesihatan.
- (vi) Memberi "*supportive counseling*" kepada pesakit.
- (vii) Menyelia dan memberi bimbingan kepada pelatih fisioterapi dari Kolej Fisioterapi dan lain-lain institusi semasa penempatan klinikal.
- (viii) Melibatkan diri di dalam sesi program "*Continuos Professional Development*" di peringkat Jabatan.
- (ix) Membantu dan melibatkan diri secara terus di dalam program penyelidikan perkhidmatan sains sukan kepada sukan di bawah Program Podium dan MSN berdasarkan keperluan prestasi atlet dan pelan prestasi yang telah dirancang semasa latihan dan kejohanan dalam dan luar negara.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar *resume* yang lengkap dan terkini dengan menyertakan **SALINAN** dokumen-dokumen berikut yang telah **DISAHKAN**:
 - (i) Kad Pengenalan dan Salinan Sijil Kelahiran;
 - (ii) Sijil-sijil kelayakan akademik termasuk skrol dan transkrip akademik terperinci (SPM dan kelayakan dari Universiti/Kolej);
 - (iii) Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/ terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji;
 - (iv) Penyata Gaji Terkini (jika bekerja); dan

- (v) Lain-lain dokumen sokongan yang berkaitan.
- (b) Permohonan yang **tidak lengkap / lewat / tidak memenuhi syarat** **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
- (c) Hanya pemohon yang layak selepas tapisan dan disenarai pendek sahaja, akan dipanggil untuk temuduga. Calon yang dipanggil ke sesi **TEMU DUGA** perlu membawa dokumen-dokumen asal untuk diserahkan kepada urus setia temu duga.
- (d) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA.**

CARA MEMOHON

Permohonan yang lengkap perlu dimel kepada:

Emel: kerjaya@isn.gov.my

(TAJUK EMEL: PERMOHONAN JAWATAN PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN)

Sebarang pertanyaan sila hubungi pihak urus setia di talian: **03-89914532**
(Pn. Chitra Devi Arumugam)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN ADALAH PADA 5 JUN 2023